

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MICHAEL TEO YU KENG (MIRI)**

**SOALAN**

**DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah program kesedaran anti dadah yang akan diadakan di Miri hujung tahun ini memandangkan masalah penyalahgunaan dadah yang dihadapi pelajar sekolah adalah serius.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Miri, dari tempoh Januari hingga September 2019, telah mengadakan 67 kali program pendidikan pencegahan dadah di sekolah-sekolah dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan-jabatan lain yang berkaitan. Antara program-program pencegahan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Kem PINTAR 2.0 (Program Intelek Asuhan Rohani 2.0) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah rendah yang berumur 10 hingga 12 tahun, pada bulan Januari hingga September, dengan penglibatan 40 orang murid; dan
- ii. Kem SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah menengah berumur 13 hingga 17 tahun; pada bulan Januari hingga September, dengan penglibatan 40 orang pelajar.

**SOALAN NO : 557**

Berikut adalah senarai program yang dirancang dengan kerjasama PPD Daerah Miri pada bulan Oktober 2019 iaitu:-

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempat</b>	<b>Tarikh</b>
1.	KEM SHIELDS	Pusat Kokurikulum Bahagian, PPD Miri	02-04.10.2019
2.	Ceramah dan Pameran	SK Senadin	09.10.2019
3.	Ceramah dan Pameran	SJK(C) Chung Hua Lutong	10.10.2019
4.	Pameran	SJK(C) Chung Hua Miri	23.10.2019

Perancangan program seterusnya pada bulan November hingga Disember 2019 masih lagi dalam fasa perbincangan bersama pihak PPD Daerah Miri, memandangkan jadual pelajar yang padat kerana persiapan bagi menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).